

MEASAT, Astrium SAS meterai kontrak


MEASAT Global Bhd (MEASAT) memeterai kontrak dengan syarikat teknologi angkasa lepas Eropah, Astrium SAS, bagi pembinaan satelit MEASAT-3b bernilai RM1 bilion untuk memenuhi keperluan pelanggannya serta rancangan peluasan perkhidmatan ke pasaran baru.

Pengerusinya, Datuk Umar Abu, berkata MEASAT-3b yang dijangka dilancarkan akhir 2013 itu akan mempunyai hayat kontrak selama 15 tahun.

Berdasarkan platform Eurostar E3000, katanya, MEASAT-3b akan menambah 48 transponder jalur lebar Ku-Band ke lokasi orbit 91.5°E.

“Dengan meningkatkan kapasiti ku-Band lebih daripada sekali ganda pada 91.5°E, MEASAT-3b akan membolehkan syarikat memenuhi keperluan pelanggan yang semakin meningkat terhadap konsep Terus Ke Rumah (DTH).

“Ia juga bagi kemudahan pelang-



Umar Abu

gan telekomunikasi di Malaysia serta di seluruh rantau ini,” katanya menerusi kenyataan dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, satelit baru yang direka khas untuk beroperasi seiring dengan kapal angkasa MEASAT-3

dan MEASAT-3a itu akan menyediakan kapasiti Ku-Band berkuasa tinggi bagi perkhidmatan DTH dan jalur lebar Satelit Bukaam Amat Kecil (VSAT) di Malaysia, Indonesia dan India.

Katanya, satelit itu juga direka khas untuk menyokong pasaran keempat.

Umar berkata, satelit MEASAT-3b itu akan ditempatkan bersama kapal angkasa MEASAT-3 dan MEASAT-3a.

“Ini bagi meningkatkan lagi keupayaan terhadap satelit sedia ada, sekali gus mewujudkan rangkaian satelit paling kukuh di rantau ini bagi memberikan jaminan perkhidmatan tahap tertinggi kepada pelanggan kami,” katanya.

Kini, MEASAT menyokong lima platform DTH di seluruh Malaysia, Indonesia, India dan Brunei dan menyediakan perkhidmatan televisyen berbayar, PayTV kepada lebih 10 juta isi rumah.